



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TERJEMAHAN KATA KERJA BERKOLOKASI DENGAN PARTIKEL
JAR DALAM JUZUK 1 KITAB *BAHR AL-MĀDHĪ***

NORHAFIZAH BINTI ZAKARIA

FBMK 2019 41



TERJEMAHAN KATA KERJA BERKOLOKASI DENGAN PARTIKEL JAR
DALAM JUZUK 1 KITAB BAHR AL-MĀDHĪ

Oleh

NORHAFIZAH BINTI ZAKARIA

Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sastera

September 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis dahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**TERJEMAHAN KATA KERJA BERKOLOKASI DENGAN PARTIKEL JAR
DALAM JUZUK 1 KITAB *BAHR AL- AL-MĀDHİ***

Oleh

NORHAFIZAH BINTI ZAKARIA

September 2018

Pengerusi : Mohd Sukki bin Othman, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini mengemukakan sebuah analisis makna konteks kolokasi kata kerja dan partikel *jar* dalam Juzuk 1 kitab *Bahr Al-Mādhī Syarḥ Mukhtaṣar Sahīḥ Al-Tirmidhī*. Kolokasi kata kerja dan partikel *jar* yang dikaji adalah berdasarkan kerangka kajian yang telah dilaksanakan oleh Hassan Ghazala dalam *Maqālat fi al-Tarjamat wa al-Uslubiyyat*. Analisis telah dijalankan terhadap 129 teks hadis yang membincarakan permasalahan dalam *tahārat*. Dalam mendapatkan padanan makna yang tepat, beberapa pakar bahasa menganggap kolokasi menimbulkan masalah dalam penterjemahan. Hal ini adalah disebabkan setiap bahasa yang berbeza mengkategorikan kolokasi secara berbeza. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk kata kerja yang berkolokasi dengan partikel *jar*, mengklasifikasi kolokasi kata kerja yang berpadanan dengan partikel *jar*, dan seterusnya menjelaskan keadaan terjemahan makna kolokasi kata kerja yang berpadanan dengan partikel *jar* berdasarkan teori konteks yang dipelopori oleh ahli antropologi Inggeris, Bronislaw Malinowski. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan analisis dokumen iaitu menganalisis kandungan teks hadis dari sudut kolokasinya. Analisis data telah dilaksanakan dengan menerapkan kaedah kesahan dan kebolehpercayaan pakar terhadap data yang dianalisis. Dapatan kajian membuktikan bahawa penerapan teori konteks dapat memberi makna kepada kolokasi kata kerja dan partikel *jar*. Setiap konteks memainkan peranan penting untuk menentukan dan menjelaskan makna dan maksud kolokasi kata kerja dan partikel *jar*. Kajian ini diharapkan akan mencetuskan minat dan fokus yang mendalam terhadap pentingnya makna konteks dalam memahami kolokasi Arab.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**TRANSLATION OF THE VERBAL COLLOCATION WITH THE JAR
PARTICLES IN PART 1 OF THE BAHR AL-MĀDHĪ BOOK**

By

NORHAFIZAH BINTI ZAKARIA

September 2018

Chair : **Mohd Sukki bin Othman, PhD**
Faculty : **Modern Languages and Communication**

This study presents an analysis of the contextual meaning of the verbal collocation and *Jar* particles in Part 1 of the *Baḥr Al-Mādhī Syarḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Al-Tirmidhī* book. The studied verbal collocation and *Jar* particles are based on the study framework done by Hassan Ghazala in *Maqālat fi al-Tarjamat wa al-Uslubiyyat*. The analysis was conducted on 129 hadith texts discussing the issues of *tahārat*. In order to get the precise match of the meaning, several language experts regard collocation as a challenge in translation. This is because each different language categorises collocation differently. This analysis targets to identify the verb forms that collocates with the *Jar* particles, to classify the verb forms that matches the *Jar* particles and to elucidate the state of the translation of the verbal collocation meaning that matches the *Jar* particles based on the contextual theory pioneered by British anthropologist Bronislaw Malinowski. This study is qualitative in nature and is centred on analysing documents, specifically the contents of the hadith texts from the collocation viewpoint. The data analysis was accomplished by applying the expert reliability and validity methods to the analysed data. The findings show that the application of contextual theory can give meaning to the verbal collocation and *Jar* particles and each context plays an important role in determining and explaining the meaning and purpose of the verbal collocation and *Jar* particles. This study is expected to spark a deep interest and focus on the importance of contextual meaning in understanding the Arabic collocation.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan Selawat serta Salam buat junjungan besar Rasulullah S.A.W. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya serta limpah kurnia-Nya, saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan buat mantan penyelia, Prof. Madya Dr. Che Radiah binti Mezah yang telah membuka jalan kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Juga jutaan terima kasih kepada penyelia baharu, Dr. Mohd Sukki b Othman dan Dr. Wan Muhammad bin Wan Sulong selaku ahli jawatankuasa atas bimbingan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan laporan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan dalam kajian kualitatif ini.

Sekalung penghargaan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang menaja pengajian saya secara sambilan, kepada Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, En. Romli bin Darus yang sentiasa memberi suntikan semangat untuk menamatkan pengajian dan seluruh warga JAPIM IPGK Kent yang tidak pernah jemu menyumbang ilmu, idea dan memberi kata-kata semangat serta tunjuk ajar. Kepada rakan-rakan pensyarah serta sahabat baik saya, Fitri Shahwaliah yang sedia membantu sepanjang kajian ini dijalankan serta para pelatih IPGK Kent yang sentiasa mendoakan agar ustazahnya berjaya memperoleh sarjana, saya amat menghargai kalian. Terima kasih semua atas kerjasama yang baik sepanjang kajian ini dijalankan.

Penghargaan istimewa buat anak-anak Wahdah Arabiah yang sentiasa membantu pada saat ustazah dilanda kesusahan, menemani ustazah sewaktu kelahiran, menjaga dan memasak untuk ustazah ketika berpantang khususnya Tirah, Ika, Amal dan Fiqah. Semoga Allah merahmati kalian semua dan menjadikan kalian guru-guru yang cemerlang dan buat semua sahabat seperjuanganku yang sentiasa menyumbang idea dan menghulurkan bantuan sepanjang proses pembelajaran, semoga ukhuwwah kita akan terus terjalin.

Buat suami tercinta Muhamad Hafez bin Osman, anak-anakku permata jiwa, Mahfudz, Aiman, Sajiedah, Sharmien, U'yun, Dhiessullah dan Edry, sekalung terima kasih ummi ucapan. Maafkan ummi kerana terkadang ummi terabai menguruskan kalian dek kerana kesibukan kerjaya dan kesibukan menyiapkan tesis ini. Terima kasih kerana sangat memahami dan terkadang mengambil tanggungjawab saling menjaga antara satu sama lain. Ummi sayang semua. Semoga anak-anak ummi juga akan berjaya dunia dan akhirat

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Mohd Sukki bin Othman, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Wan Muhammad bin Wan Sulong, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota, kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: : Norhafizah Binti Zakaria – GS38646

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah dibawah seliaan kami
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia Pengajian Siswazah 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Mohd Sukki bin Othman

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Wan Muhammad bin Wan Sulong

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI ISTILAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xv
PANDUAN TRANSLITERASI	xvi

BAB

1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Kerangka Konsep Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Skop dan Batasan Kajian	13
1.9 Definisi Operasional	14
1.10 Kesimpulan	16
2 SOROTAN LITERATUR	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Biografi Ringkas Penulis Kitab <i>Bahru al-Madhiī</i>	17
2.3 Sejarah Ringkas Terjemahan Arab-Melayu di Malaysia	18
2.4 Peranan dan Sumbangan Kitab Terjemahan Arab-Jawi (Melayu)	20
2.5 Halangan dalam penterjemahan kolokasi	22
2.6 Budaya dan Hubungannya dengan Terjemahan	27
2.7 Perbandingan Teori Terjemahan Arab-Melayu	28
2.7.1 Teori Penterjemahan Langsung	28
2.7.2 Teori Penterjemahan Tidak Langsung	29

2.7.3	Kelebihan dan Kelemahan Teori Terjemahan	30
2.7.3.1	Terjemahan Kata Demi Kata	30
2.7.3.2	Terjemahan Bebas	30
2.7.3.3	Terjemahan Harliah	31
2.7.3.4	Terjemahan Dinamik	31
2.7.3.5	Terjemahan Estetik-Puitik	31
2.7.3.6	Terjemahan Komunikatif	31
2.7.3.7	Terjemahan Semantik	31
2.7.3.8	Terjemahan Etnografi	32
2.7.3.9	Terjemahan Pragmatik	32
2.7.3.10	Terjemahan Linguistik	32
2.8	Perbezaan Antara Struktur Ayat Bahasa Arab Dengan Ayat Bahasa Melayu	34
2.9	Pengertian Kolokasi	36
2.9.1	Jenis-jenis Kolokasi Arab	39
2.9.2	Teknik Penggunaan Kolokasi Dalam Penterjemahan Arab-Melayu	43
2.10	Penggunaan Kamus Dwibahasa	44
2.11	Kata Sendi Arab	44
2.12	Isu-isu Terjemahan Kolokasi Arab-Melayu dan Ketepatan Makna Padanan Makna	45
2.13	Kesimpulan	51
3	METODOLOGI KAJIAN	52
3.1	Pengenalan	52
3.2	Reka bentuk kajian	52
3.3	Kajian Korpus	53
3.4	Korpus Kajian	53
3.5	Rasional Pemilihan Korpus	54
3.6	Teori Konteks	58
3.6.1	Konteks Kebahasaan (<i>al-Siyāq al-Lughawi</i>)	60
3.6.2	Konteks Emosional (<i>al-Siyāq al-'Athīfi</i>)	60
3.6.3	Konteks Situasi (<i>al-Siyāq al-Mauqif</i>).	61
3.6.4	Konteks Budaya (<i>al-Siyāq al-Tsaqāfi</i>)	62
3.7	Reka Bentuk Kajian Korpus	64
3.8	Analisis Data	64
3.8.1	Analisis Kontrastif	65
3.9	Tatacara Pengumpulan Data	66
3.10	Prosedur Penganalisisan Data	68
3.11	Kesimpulan	68

4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	69
4.1	Pengenalan	69
4.2	Mengenal Pasti Bentuk Kata Kerja yang Berkolokasi dengan Partikel <i>Jar</i> Teks Hadis Juzuk 1 Kitab <i>Bahr Al-Madhi</i> .	69
4.3	Mengklasifikasi Kolokasi Kata Kerja dengan Partikel <i>Jar</i> dalam Juzuk 1 Kitab <i>Bahr Al-Madhi</i> .	70
4.4	Menjelaskan Secara Terperinci Terjemahan Makna Kolokasi Kata Kerja dengan Partikel <i>Jar</i> dalam Teks Hadis yang Terkandung dalam Juzuk 1 Kitab <i>Bahr Al-Madhi</i> Berdasar Teori Konteks	72
4.5	Kesimpulan	88
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	90
5.1	Pengenalan	90
5.2	Rumusan	90
5.3	Cadangan Kajian	93
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	96
5.5	Kesimpulan	97
RUJUKAN		98
LAMPIRAN		106
BIODATA PELAJAR		177

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Perbezaan Antara Struktur Ayat Bahasa Arab dengan Ayat Bahasa Melayu	35
2.2	Perkataan yang Boleh Berkolokasi dengan ‘Heavy’	38
3.1	Pembahagian Tajuk dan Juzuk Kitab BAMSAT	55
4.1	Jumlah Kata Kerja yang Berkolokasi dengan Partikel <i>Jar</i> dalam BAMSAT 1	70
4.2	Kata Kerja yang Berkolokasi dengan Dua Partikel <i>Jar</i>	71
4.3	Kata Kerja yang Berkolokasi dengan Tiga Partikel <i>Jar</i>	71
4.4	Kata Kerja yang Berkolokasi dengan Empat Partikel <i>Jar</i>	72
4.5	Kata Kerja yang Berkolokasi dengan Lima Partikel <i>Jar</i>	72
4.6	Rumusan Keseluruhan KK yang Berkolokasi Lebih daripada Satu PJ	72

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konsep Kajian Analisis Makna Kolokasi Kata Kerja dan Partikel Jar dalam BAMSAT 1	11
3.1	Tatacara Pengumpulan Data	67

SENARAI ISTILAH

Istilah	Maksud Istilah
Anafora	Satu cara perulangan, iaitu pengucapan perkataan atau perkataan-perkataan yang sama diulang pada permulaan dua atau lebih baris, ayat atau ungkapan
Arkaik	Kuno, sudah ketinggalan zaman
Agronomi	Ilmu ttg penggunaan dan pengurusan tanah dan juga ttg penghasilan tanaman.
Epifora	Pengulangan bunyi akhir kata atau struktur ayat dlm rangkap atau ayat yg berturutan utk mencapai kesan stilistik tertentu
Kolokasi	Hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dgn yg lain dlm satu susunan
Kinayah	Tersembunyi pengertian atau maksudnya
Leksem	Unit minimum, spt kata atau kata dasar, dlm perbendaharaan kata sesuatu bahasa
Leksikal	Perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa;
Linguistik	Kajian saintifik tentang bahasa
Majaz	Hanya sebagai kiasan dll (bukan sebenarnya)
Muktabar	Mulia, terhormat, terkenal
Partikel	Kata penyerta
Pragmatik	Cabang linguistik yg berkaitan dgn kajian tentang makna dan kesan yg timbul drpd penggunaan bahasa dlm situasi tertentu.
Retorik	Seni menggunakan bahasa yg indah dan menarik utk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar;
Semantik	Ilmu mengenai makna atau erti kata, dan penambahan atau perubahan makna kata.
Sintaksis	Ilmu atau kajian ttg susunan kata dlm ayat

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Senarai Hadis Utama yang Dianalisis dalam Juzuk 1 Kitab <i>Baḥr Al- Mādhi Syarḥ Mukhtasar Ṣahih At-Tirmidhi</i> dan Terjemahannya.	106
B	Senarai Kolokasi Kata Kerja dan Partikel Jar dalam Juzuk 1 Kitab <i>Baḥr Al- Mādhi Syarḥ Mukhtasar Ṣahih At-Tirmidhi</i>	155

SINGKATAN PERKATAAN

BAMSAT1	<i>Baḥr Al-Mādhi Syarh Mukhtasar Ṣahih At-Tirmidhi Juzu' 1</i>
b	Baris
h	Halaman
ms	Muka Surat
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
KBAMD	Kamus Besar Arab Melayu Dewan
KK	Kata Kerja
KN	Kata Nama
KS	Kata Sifat
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
No.H	Nombor Hadis
PJ	Partikel Jar
S.A.W	Sallallāh 'alaihi wa sallam
S.W.T	Subhanahu Wa Taala

PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh kalimah Arab	Contoh Transliterasi	Huruf Arab
,	,	أركان	'arkān	,
ب	b	البلاغة	<u>al-balāghat</u>	ب
ت	t	الاستعارة	<u>al-isti'ārat</u>	ت
ث	th	البحث	<u>al-bahth</u>	ث
ج	j	الجملة	<u>Al-jumlat</u>	ج
ح	h	المحلية	<u>al-mahalliyat</u>	ح
خ	kh	الختام	<u>al-khitām</u>	خ
د	d	الديوان	<u>al-dīwān</u>	د
ذ	dh	يذهب	<u>yadhabbu</u>	ذ
ر	r	الاستعارة	<u>al-isti'ārat</u>	ر
ز	z	الفائزه	<u>al-fā'iżat</u>	ز
س	s	الاستعارة	<u>al-isti'ārat</u>	س
ش	sy	المشبه	<u>al-musyabbah</u>	ش
ص	ṣ	التصريحة	<u>al-taṣrīhiyyat</u>	ص
ض	ḍ	الضمائر	<u>al-damā'ir</u>	ض
ط	ṭ	الطهارة	<u>al-ṭahārat</u>	ط
ظ	ẓ	الظهر	<u>al-zuhr</u>	ظ
ع	,	الاستعارة	<u>al-isti'ārat</u>	ع
غ	gh	الغراب	<u>al-ghurāb</u>	غ
ف	f	فاطمة	<u>Fātimat</u>	ف
ق	q	القواعد	<u>al-qawā'id</u>	ق
ك	k	المكتبة	<u>al-makniyyat</u>	ك
ل	l	المحلية	<u>al-mahalliyat</u>	ل
م	m	المحلية	<u>al-mahalliyat</u>	م
ن	n	المكتبة	<u>al-makniyyat</u>	ن
و	w	الوصول	<u>al-wuṣūl</u>	و
ه / هـ	h	المشبه	<u>al-musyabbah</u>	ه / هـ
ي	y	يعقوب	<u>Ya 'qub</u>	ي
ة	t̄	المدرسة	<u>al-madrasat</u>	ة

- 1- Huruf Arab ئ (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasi kepada 'a' bukan kepada 'a'. Contoh : أكل , transliterasinya , akala bukan 'akala.

2- Huruf Arab ت (tā' marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada 'f'. Contoh : ساحـة المـدرـسـة , transliterasi : *sāḥat al-madrasah* , bukan *sāhah al-madrasah*. Namun sekiranya sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *tā' marbuṭah* ditransliterasikan kepada *h*. Contoh : *al-madrasah*.

(Dewan Bahasa & Pustaka, 1992:1-3)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Arab dipilih sebagai bahasa al-Quran dan ini membuktikan bahwa bahasa Arab mempunyai keistimewaan yang agung berbanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran telah dinyatakan dalam firman Allah Taala dalam Surah az-Zukhruf .

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٣﴾

“Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.”

(Surah az-Zukhruf 43: 3)

Dan firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa Quran berbahasa Arab, agar kamu mengerti.”

(Surah Yusuf 12: 2).

Imam al-Jalīl al-Hāfiẓ ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismail ibn Kathīr atau dikenali dengan Ibn al-Kathīr mentafsirkan ayat kedua surah Yusuf ini dengan menyatakan:

وَذَلِكَ لَأَنَّ لُغَةَ الْعَرَبِ أَصْحَحُ الْلُّغَاتِ وَأَبْيَهَا وَأَوْسَعُهَا وَأَكْثَرُهَا تَأْدِيهً لِلْمَعَانِي الَّتِي تُقْوَمُ بِالْقُوْنِينِ ، فِيهَا أَنْزَلَ أَشْرَفَ الْكُنْتُ بِإِشْرَفِ الْلُّغَاتِ ، عَلَى أَشْرَفِ الرُّسْلِ بِسَفَارَةِ أَشْرَفِ الْمَلَائِكَةِ ، وَكَانَ ذَلِكَ فِي أَشْرَفِ بَقَاعِ الْأَرْضِ ، وَابْنَيْدِي إِنْزَالُهُ فِي أَشْهُرِ شَهُورِ السَّنَةِ ، وَهُوَ رَمَضَانُ...

“Oleh yang demikian bahasa Arab merupakan bahasa yang paling fasih, jelas, komprehensif dan ia merupakan bahasa yang paling efektif dalam menjelaskan apa yang terdapat dalam diri manusia. Justeru, Al-Quran sebagai kitab yang paling mulia, diturunkan dengan bahasa yang paling mulia (bahasa Arab) ke atas Rasul yang paling mulia melalui perantaraan malaikat yang termulia (Jibril). Peristiwa penurunan ini terjadi di bahagian bumi yang paling mulia (Makkah). Bermula penurunannya dalam bulan yang paling hebat iaitu bulan Ramadhan”.

Melalui petikan ini dapat difahami bahawa, antara sebab al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab kerana bahasa Arab merupakan bahasa yang paling fasih dari sudut penerangannya, mempunyai makna yang luas dan kebanyakan perkataannya menjurus kepada makna yang membina jiwa. Oleh sebab itu, kitab yang mulia ini diturunkan kepada Nabi kita Muhammad S.A.W menggunakan bahasa yang paling mulia melalui malaikat yang mulia di bumi yang paling mulia iaitu Mekah dan Madinah pada bulan yang paling mulia iaitu Ramadhan.

Disebabkan kemuliaan inilah maka selayaknya bahasa Arab memiliki martabat dan maqam yang mulia di sisi umat Islam. Walaupun terdapat pelbagai kaum di dunia ini, bahasa Arab menjadi bahasa ibadah yang menyatukan umat Islam menerusi ibadah solat kerana semua umat Muhammad S.A.W. menggunakan bahasa Arab sepenuhnya untuk menyempurnakan ibadah tersebut.

Selain sebagai bahasa wahyu llahi, terdapat pelbagai keistimewaan dan keunikian lain bahasa Arab sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Azhar Muhammad (2005) iaitu bahasa Arab kaya dengan kosa kata, satu perkataan boleh menunjukkan beberapa makna. Contohnya perkataan ‘ain’ boleh membawa lebih 10 makna iaitu mata penglihatan, mata air, sebuah negeri, sebuah tempat, ketua kaum, ketua tentera, bermakna diri, bayaran sekali gus secara tunai, sejenis mata wang, pengintip, dan huruf ‘ain’. Selain itu, analisis struktur ayat menunjukkan ia sangat sempurna dan berbeza dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Perkataan yang sama akan membawa analisis yang berbeza apabila berlaku perubahan baris pada akhir perkataan tersebut.

Keistimewaan bahasa Arab juga jelas terlihat pada sistem morfologinya (*şaraf*) yang sangat unik. Satu perkataan boleh membentuk beberapa variasi perkataan lain yang akhirnya membawa makna yang berbeza walaupun hakikatnya pelbagai perkataan itu mempunyai kata dasar yang sama. Sifatnya yang berdaya saing dan fleksibel menjadikan bahasa Arab mampu menerima perubahan dunia semasa.

Berdasarkan beberapa keistimewaan yang telah dinyatakan di atas, maka kajian ini telah memilih satu aspek yang menarik dan penting yang terdapat dalam bahasa Arab untuk dikaji, iaitu kolokasi kata kerja (kk) dan partikel *jar* (pj) berdasarkan pendekatan terjemahan dengan merujuk kamus Arab yang muktabar dengan menggabungkan teori konteks.

Pakar bahasa melihat kolokasi dalam aspek yang berbeza. Ada yang mengatakan bahawa ia merupakan suatu masalah, ada yang mengatakan bahawa ia merupakan satu fenomena dan sebahagiannya mengatakan ia merupakan satu hubungan leksikal. Memilih perkataan yang sesuai untuk berkolokasi dengan satu perkatan yang lain terasa agak sukar oleh seseorang penutur asing. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh mereka yang baru mempelajari bahasa asing, tetapi adakalanya dihadapi oleh penutur jati bahasa

tersebut. Contohnya perkataan ما الذي حدث الى...؟ berbanding dengan ؟...لـ yang disebut dalam bahasa Inggeris “what happened for” berbanding dengan “what happened to”.

Ketidaktepatan di dalam penggunaan partikel *jar* (pj) atau *harf al-jar* ini merupakan satu masalah yang biasa dihadapi, tidak kira dalam bahasa Arab, bahasa Inggeris mahu pun dalam bahasa Melayu. Begitu juga pj atau *harf al-jar* ataupun *preposition* dalam bahasa Inggeris yang terjadi di dalam percakapan atau penulisan. Contohnya partikel عن dan partikel من di dalam ayat اكبر عن ataupun اكبر من، yang mana di dalam bahasa Inggeris di sebut “bigger from” berbanding dengan “bigger than”. Fenomena ini berlaku disebabkan terkesan dengan cara menterjemah sesuatu perkataan ataupun ayat.

Melihat kepada perspektif berbeza pendapat antara pakar bahasa ini dan masalah yang sering dihadapi pembaca dan juga penterjemah, ternyata kolokasi ialah satu bidang linguistik yang sesuai dikaji untuk memberi kefahaman kepada pembaca ataupun memberikan terjemahan yang tepat antara dua bahasa yang berbeza.

“...pemahaman dan penguasaan aspek linguistik yang baik dalam bahasa sumber maupun bahasa sasaran sangat berperan dalam menghasilkan karya terjemahan.” (Bena Yusuf Pelawi, 2009).

Berdasarkan kenyataan Bena Yusuf Pelawi ini, dapat difahami bahawa untuk menghasilkan sesuatu terjemahan, seseorang penterjemah itu perlu memahami dan menguasai aspek linguistik kedua-dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran kerana pemahaman dan penguasaan kedua-dua bahasa tersebut memainkan peranan penting dalam menterjemah sesuatu karya supaya hasil terjemahan itu dapat difahami dengan baik oleh pembaca bahasa sasaran.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian bahasa terhadap bahasa Arab dengan menganalisis kandungan teks hadis dari sudut kolokasinya. Fokus kolokasi yang dikaji ialah terjemahan kata kerja (kk) yang disebut sebagai الفعل (*al-fi'l*) yang berpadanan dengan partikel *jar* (pj) yang disebut dalam bahasa Arabnya حرف الْجَزْءِ (*harf al-jar*).

Kolokasi merupakan satu fenomena yang ada dalam setiap bahasa dan memiliki ciri keistimewaan yang tersendiri yang berbeza antara satu bahasa dan bahasa yang lain. Oleh sebab keunikannya itu, kolokasi menjadi suatu perkara yang sangat menarik untuk dikaji. Kolokasi sangat berkait rapat dengan pengajaran bahasa dan penterjemahan sebagaimana yang dinyatakan

oleh Saifullah Kamalie bahawa kolokasi sangat penting dikaji dari dua sudut iaitu dari sudut pembelajaran bahasa dan dari sudut penterjemahan (Saifullah Kamalie, 2007).

Dalam bahasa Arab, kolokasi dikenali dengan pelbagai nama seperti **المتلازمات** (**الرَّصْفُ**) (Ghazala, 2004: 1), **التعابير الاصطلاحية** (**اللُّفْظِيَّةُ**) (Muhammad al-Batal, 2000) (Ramzi Munir, 1990:98, Ahmad Mukhtar Umar, 1988:74) dalam Che Radiah (2010) dan **المتصاحبات العربية** (**al-Tahir**, 2004).

Dalam kajian Saifullah Kamalie (2010), menurut 'Abd al-'Aziz (1990: 60), Abu al-Faraj (1966: 111) ialah pakar bahasa Arab yang pertama mengenakan istilah **المصاحبة** 'kolokasi' kepada pembaca Arab. Manakala Izzat (1970,1971) telah menggunakan istilah **المصاحبة اللغوية** yang menunjukkan suatu unsur leksikal yang muncul ditemani unsur leksikal lain.

Berdasarkan kenyataan di atas, difahami bahawa kolokasi menunjukkan kata-kata yang mengiringi perkataan tertentu. Disebabkan oleh makna yang didukung oleh tiap-tiap perkataan, kita hanya dapat menggabungkan sesuatu perkataan dengan perkataan tertentu sahaja. Ini disebabkan perkataan yang berkolokasi itu hendaklah serasi dan memberi makna tertentu sehingga makna itu betul dari sudut bahasanya dan difahami mengikut budaya penutur bahasa tersebut.

"Arabic today uses collocations that have come from different sources. One of the sources of collocation in Modern Standard Arabic is the Quran. Another way in which collocations have become established in Arabic is through borrowed collocations" (Brashi, 2005).

"Orang Arab menggunakan kolokasi yang datang dalam sumber berbeza. Salah satu sumber kolokasi adalah dalam Standard Arab Modern iaitu Quran. Cara lain di mana kolokasi telah ditentukan dalam bahasa Arab adalah melalui kolokasi yang dipinjam".

Dalam bahasa Arab, untuk memperoleh dan mengkaji kolokasi, terdapat beberapa sumber yang boleh dirujuk antaranya termasuklah al-Quran al-Karim, Sunnah Nabi S.A.W seperti hadis yang sahih, buku-buku klasik dan sastera Arab seperti puisi, syair dan prosa, buku-buku teknikal khusus, majalah dan jurnal khusus.

Ghazāla (2007: 9) menyatakan bahawa tidak mudah untuk mendapatkan sumber kolokasi dalam bahasa Arab. Ini disebabkan dua perkara utama, iaitu kurangnya sumber yang menyentuh mengenai kolokasi sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Sebab yang kedua ialah tidak ada rujukan yang seragam disebabkan negara Arab yang luas dan lemahnya komunikasi

antara mereka. Namun begitu, ini tidak bermakna tidak ada sumber kolokasi bahasa Arab yang boleh dijadikan rujukan.

Ghazāla (2007) menyenaraikan sebelas sumber kolokasi Arab mengikut keutamaannya, iaitu al-Quran al-Karim, Sunnah Nabi seperti hadis, *mu'jam* dan kamus-kamus Arab, warisan sastera Arab kuno dan moden, kitab *fiqh al-lughah*, kitab *nahu*, *lughah* dan *balāghah* Arab, surat, permohonan dan bon undang-undang di institusi dan pejabat, buku undang-undang, kamus dwibahasa, dan terakhir ialah pakar sesuatu bahasa dan penutur asli sesuatu bahasa.

Selain berasal daripada sumber-sumber tersebut di atas, kolokasi juga berasal daripada bahasa lain, terutama daripada bahasa Inggeris, yang disebut “*borrowed collocation*” iaitu kolokasi pinjaman (Brashi, 2005: 54). Munculnya istilah pinjaman disebabkan konsep kolokasi tersebut tidak wujud dalam bahasa Arab. Menurut Emery (1991) seperti dalam kajian Saifullah Kamalie (2010) contoh kolokasi pinjaman ialah “الحرب الباردة” bermaksud perang dingin, yang dalam bahasa Arab tidak ada padanan kolokasi sebelum perlakunya “perang dingin” setelah Perang Dunia Kedua. Oleh itu, kolokasi pinjaman juga diterima pakai sebagai salah satu kolokasi bahasa Arab dan boleh dijadikan sumber rujukan kolokasi.

Justeru, kajian ini ialah satu kajian bahasa terhadap bahasa Arab yang mengfokuskan kepada terjemahan makna konteks terhadap kolokasi kata kerja dan partikel *jar* yang terdapat dalam hadis Rasullullah berdasarkan kepada analisis kandungan teks hadis Juzuk 1 *Bahru Al-Mādhi Syarh Mukhtasar Ṣaḥīḥ At-Turmiḍī* (BAMSAT 1) bahagian *tahārat* terjemahan Muhammad Idris al-Marbawi dengan pengalihan tulisan Jawi ke Rumi oleh Norainie Abu, diterbitkan oleh Al-Hidayah Publications, cetakan kedua 2008.

1.3 Penyataan Masalah

Kitab BAMSAT keseluruhannya, merupakan himpunan hadis dengan kitab asalnya ditulis dalam tulisan Jawi, tetapi memandangkan generasi sekarang kurang mahir untuk membaca tulisan Jawi, Norainie Abu telah mengambil inisiatif dengan menyalin semula iaitu daripada tulisan Jawi ke tulisan Rumi tanpa ada pindaan daripada teks asal dengan harapan pembaca kitab BAMSAT dapat mengikuti setiap perkataan yang terdapat dalam teks asal.

Kitab BAMSAT ini secara keseluruhannya diterjemahkan mengikut terjemahan harfiah. Terjemahan harfiah sering dilihat dari sudut kelemahannya kerana tidak dapat menyampaikan makna yang tepat dan sesuai berdasarkan pemahaman pembaca bahasa sasaran. Terjemahan harfiah sekadar menyampaikan makna teks mengikut bahasa sumber berbanding dengan

terjemahan idiomatik yang berusaha sedaya mungkin menterjemahkan teks mengikut kefahaman pembaca bahasa sasaran.

Menurut Larson (1989: 16) penterjemahan terbahagi kepada dua jenis, pertama berdasarkan bentuk dan yang kedua berdasarkan makna. Penterjemahan yang berdasarkan bentuk berusaha mengikuti bentuk bahasa sumber, dan dikenal dengan penterjemahan harfiah. Penterjemahan yang berdasarkan makna berusaha menyampaikan makna teks bahasa sumber dengan bentuk bahasa sasaran yang wajar. Penterjemahan ini disebut penterjemahan idiomatik. Larson juga berpendapat,

"Penerjemahan harfiah ini sangat berguna untuk belajar bahasa sumber, tetapi tidak banyak membantu pembaca bahasa sasaran yang ingin mengetahui makna teks sumber. Penerjemahan harfiah nampaknya tidak mempunyai makna dan hampir tidak mempunyai nilai komunikasi." (Larson, 1989: 16)

Proses menterjemah untuk mendapatkan makna dan padanan yang tepat bukanlah suatu perkara yang mudah. Adakalanya kerja terjemahannya akan terhalang atau terhenti untuk beberapa ketika. Pendapat ini disokong oleh Muhammad Bukhari Lubis (1993) dengan kenyataannya :

"Dalam proses penterjemahan, adakalanya penterjemah berhadapan dengan paduan beberapa perkataan yang kelihatan tidak dapat diterjemahkan."

Permasalahan yang timbul dalam proses penterjemahan adalah disebabkan wujudnya perbezaan beberapa aspek, antaranya termasuklah perbezaan linguistik, pragmatik, budaya, dan sebagainya. Manakala menurut Abdul-Raof (2001) dalam kajian Syed Nurulakla Syed Abdullah (2015: 12) menegaskan bahawa, bahasa adalah berbeza dengan ketara antara satu sama lain dari sudut sintaksis, semantik dan juga pragmatik, dan masalah utama yang menguasai terjemahan ialah masalah makna.

Dalam mendapatkan padanan makna yang tepat, beberapa pakar bahasa menganggap kolokasi sebagai satu masalah dalam penterjemahan. Mereka menyatakan bahawa menterjemah kolokasi dari satu bahasa ke bahasa lainnya merupakan hal yang sulit dan mereka menekankan betapa pentingnya kolokasi dalam penterjemahan (Saifullah Kamalie, 2010: 153). Nord (1991) dalam Saifullah Kamalie (2010) mendefinisikan masalah penterjemahan sebagai

"an objective problem, which every translator... has to solve during a particular translation task" yang bermaksud satu permasalahan objektif, yang setiap penterjemah ... harus selesaikan semasa melaksanakan tugas penterjemahan tertentu.

Manakala Hatim dan Mason (1990) dalam Brashi (2005) juga berhujah bahawa salah satu masalah utama yang dihadapi penterjemah berasal daripada kemampuan memilih kolokasi yang sesuai dalam bahasa sasaran. Hatim dan Mason (1990) mengingatkan,

"there is always a danger that, even for experienced translators, source language interference will occasionally escape unnoticed and an unnatural collocation will introduce flaw in the target text."

"selalu ada bahaya, bahkan untuk penterjemah yang berpengalaman, gangguan bahasa sumber kadang-kadang akan terlepas dari perhatian dan kolokasi yang tidak wajar akan merosakkan teks bahasa sasaran".

Brashi (2005: 72) dalam kajiannya yang bertajuk *Arabic Collocations: Implications For Translation* menyatakan bahawa:

"The translation of collocations is a constant problem — translators find it difficult to match the appropriate verbs with the appropriate nouns, the appropriate adjectives with the appropriate nouns, the appropriate nouns with the appropriate nouns, and so on and so forth. What creates this problem is that different languages configure collocations differently."

penterjemahan kolokasi adalah satu masalah yang berterusan - penterjemah mendapati sukar untuk menyesuaikan kata kerja yang bersesuaian dengan kata nama yang sesuai, kata sifat yang bersesuaian dengan kata nama yang sesuai, kata benda yang sesuai dengan kata nama yang sesuai, dan seterusnya. Apa yang menimbulkan masalah ini adalah bahasa yang berbeza memberikan kolokasi secara berbeza

Manakala Newmark (1988: 213) menyatakan bahawa mengenal pasti kolokasi merupakan salah satu masalah yang sangat penting dalam proses penterjemahan. Newmark menyatakan bahawa penterjemahan merupakan perjuangan yang tidak henti-henti bagi menemukan kolokasi yang sesuai.

Dari beberapa kenyataan di atas, dapat difahami bahawa kolokasi ialah satu masalah yang berterusan. Ini adalah kerana penterjemah sukar menyesuaikan kata kerja yang bersesuaian dengan kata nama yang sesuai, kata sifat yang bersesuaian dengan kata nama yang bersesuaian, kata benda yang bersesuaian dengan kata nama yang sesuai dan sebagainya. Masalah ini berlaku disebabkan setiap bahasa yang berbeza mengkategorikan kolokasi secara berbeza.

Saifullah Kamalie (2010: 12) menyatakan bahawa: "Apabila kolokasi bahasa Arab diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, kemungkinan wujud masalah kerana tidak mempunyai padanan yang sesuai. Hal ini berlaku kerana terdapat banyak kitab-kitab agama berbahasa Arab yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu yang tidak berkualiti serta mrengandungi kesalahan makna".

Kajian terhadap kolokasi telah mendapat perhatian beberapa sarjana termasuk sarjana tempatan, Asia Tenggara, Timur Tengah dan juga Barat. Sarjana Indonesia yang terkenal Saifullah Kamalie (2010) mengklasifikasi jenis-jenis kolokasi dan membincangkan metodologi yang digunakan oleh penterjemah Kitab *Fī Zīlāl al-Qurān*. Selain itu, beliau turut menganalisis dan mengenal pasti kesalahan yang dilakukan penterjemah ketika memindah makna kolokasi dan mengenal gaya penterjemahan ke Melayu-Malaysia dan Melayu-Indonesia.

Sarjana Arab, Nayyan Usman Syarif (2013) juga telah menjalankan kajian terhadap kolokasi yang terdapat dalam al-Quran. Beliau memfokuskan kepada kolokasi dalam contoh ayat-ayat al-Quran yang mana dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu, contoh dan analisis kolokasi terbuka dalam al-Quran, contoh dan analisis kolokasi tertutup dan terikat, dan menganalisis kolokasi dari ayat al-Quran dari sudut makna leksikal dan makna retorik.

Muhammad Hafiz bin Bakar (2012) memfokuskan kepada kolokasi kata kerja dalam Hadis 40 dengan memberi padanan terjemahan dari sudut semantik dan komunikatif. Muhammad Fauzi Jumingan (2009) pula menjelaskan penggunaan konsep kolokasi dalam penterjemahan Arab-Melayu. Konsep kolokasi yang ditonjolkan itu berdasarkan pendekatan yang digunakan oleh Ghazala.

Ghazala (2008) menjelaskan mengenai terjemahan sebagai satu masalah dan mengutarakan penyelesaiannya dalam bukunya '*Translation as Problems and Solutions – A Textbook for University Student and Trainee Translators*'. Meskipun memfokuskan kepada penterjemahan, beliau turut menyatakan bahawa kolokasi merupakan satu masalah yang biasa terjadi dalam menterjemah. Beliau juga menjelaskan mengenai jenis-jenis kolokasi Arab. Pada tahun 2007, beliau juga telah menulis sebuah kamus kolokasi yang bertajuk '*Dictionary of Collocations. A Comprehensive English-Arabic Dictionary of Accuracy of Word Combination and Usage*'.

Marjan Ahmadi (2011) dalam tesis sarjananya telah mengkaji tentang penyalahgunaan kolokasi dalam penulisan di kalangan pelajar Iran '*Collocational Error Types In The Writing Of Iranian EFL Students*'.

Secara keseluruhannya, meskipun terdapat banyak kajian baik di peringkat tempatan maupun antarabangsa yang memfokuskan kepada kajian kolokasi, namun masih terdapat jurang yang ketara terhadap terjemahan kata kerja

berkolokasi dengan partikel *jar* dalam Juzuk 1 kitab *Baḥru Al-Mādhi* ini. Meskipun beberapa sarjana telah mengkaji kolokasi yang terdapat dalam beberapa teks hadis, namun kajian ini memfokuskan kepada terjemahan teks hadis yang diterjemahkan secara harfiah iaitu terjemahan per kata yang pada kebiasaannya tidak dapat menyampaikan makna yang tepat kepada pembaca sasaran.

Terjemahan harfiah terhadap kata kerja berkolokasi dengan partikel *jar* belum pernah dikaji. Seterusnya pengkaji akan memilih data yang berkualiti iaitu kata kerja yang berkolokasi dengan partikel *jar* yang mempunyai makna tersirat untuk dianalisis secara kualitatif dengan diberikan penghuraian dan penghujahan yang sewajaranya berdasarkan teori konteks yang dipelopori oleh ahli antropologi Inggeris, Bronislaw Malinowski. Konsep teori kontekstual (*Nazariyyat al-Siyāq*) dipilih kerana menurut Saifullah Kamalie (2010), kolokasi berpengaruh dalam makna kontekstual dan sosial. Ini kerana teori kontekstual merangkumi empat aspek yang memainkan peranan penting dalam memberi makna atau maksud sesuatu kalimat iaitu konteks bahasa, konteks emosi, konteks situasi dan konteks budaya.

Aspek budaya dan bahasa memainkan peranan yang penting apabila seseorang penterjemah menterjemah sesuatu teks. Pendapat ini disokong oleh Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan (2008: 166). Menurutnya, sifat-sifat sesuatu bahasa itu dipengaruhi oleh kebudayaan masyarakat menurunkan bahasa tersebut. Menurut Syed Nurulakla Syed Abdullah (2001), menterjemah budaya merupakan suatu masalah yang utama dalam penterjemahan leksis. Fenomena kesukaran ini wujud apabila penterjemah berdepan dengan masalah memahami makna yang terkandung dalam budaya bahasa sumber dan kemudian memindahkannya dengan makna sepadan dalam budaya bahasa sasaran. Oleh itu, menurutnya lagi strategi untuk menyelesaikan masalah ini dengan melihat kepada aspek leksis dan budaya itu sendiri serta memahami kaedah yang diberikan oleh sarjana terjemahan.

Ini adalah kerana dalam proses penterjemahan sesuatu teks, masalah ketepatan hasil terjemahan seringkali menjadi permasalahan utama. Hasil pemindahan maklumat seringkali dijadikan permasalahan utama. Untuk menjadi seorang penterjemah tidak cukup dengan hanya berbekalkan kamus sahaja, bahkan seorang penterjemah yang baik perlu menguasai ilmu pengetahuan yang harus untuk menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran, sehingga kebolehannya dalam bahasa tersebut sama. Kesilapan yang berlaku ketika menterjemahkan kolokasi dalam bahasa yang diungkapkan akan menjadikan makna dan tafsirannya tidak selari dengan teks yang asal.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan masalah-masalah yang telah dinyatakan sebelum ini, maka kajian ini akan difokuskan kepada persoalan kajian seperti yang tertera di bawah iaitu:

1. Apakah bentuk kata kerja yang berkolokasi dengan partikel *jar* dalam teks hadis Juzuk 1 kitab *Bahru al-Mādhi*?
2. Adakah kolokasi kata kerja dengan partikel *jar* dalam teks hadis yang terkandung dalam Juzuk 1 kitab *Bahru al-Mādhi* mempunyai klasifikasi yang dapat ditentukan bahagian-bahagiannya?
3. Bagaimanakah terjemahan makna kolokasi kata kerja dengan partikel *jar* dalam teks hadis Juzuk 1 kitab *Bahru al-Mādhi* apabila teori konteks diaplikasi?

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengkaji makna kolokasi yang terkandung dalam teks Arab terhadap terjemahannya dalam bahasa Melayu. Manakala objektif khusus kajian ini ialah untuk:

1. Mengenal pasti bentuk kata kerja yang berkolokasi dengan partikel *jar* dalam teks hadis Juzuk 1 kitab *Bahru al-Mādhi*.
2. Mengklasifikasi kata kerja yang berkolokasi dengan partikel *jar* dalam Juzuk 1 kitab *Bahru al-Mādhi*.
3. Menjelaskan secara terperinci terjemahan makna kolokasi kata kerja dengan partikel *jar* dalam teks hadis yang terkandung dalam Juzuk 1 kitab *Bahru al-Mādhi* berdasar teori konteks.

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka kajian menggambarkan bentuk keseluruhan kajian bagi membolehkan pengkaji memahami rangka kerja, perancangan dan pelaksanaan yang perlu ditetapkan untuk membimbing pengkaji dalam melaksanakan kajian. Gambar rajah di bawah menunjukkan kerangka konsep yang akan digunakan sebagai panduan pengkaji.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian Analisis Makna Kolokasi Kata Kerja dan Partikel *Jar* dalam Juzuk Kitab BAMSAT 1

Kajian ini akan menganalisis kolokasi kata kerja (kk) dan partikel *jar* (pj) berdasarkan penentuan kolokasi mengikut *Għażala* dari sudut kontruksi nahu iaitu kk dan pj dalam Juzuk 1 Kitab *Baħru Al-Mādhi Syarħ Mukhtaṣar Ṣaħħiħ Al-Turmidī* (BAMSAT1). Sehubungan dengan itu, kolokasi kata kerja dan partikel *jar* akan dianalisis berdasarkan objektif-objektif yang telah dinyatakan di atas. Pada objektif ketiga, kamus Arab yang muktabar digunakan untuk meneliti makna yang diberikan dan teori konteks akan diaplikasikan untuk menilai makna kolokasi yang telah dinyatakan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan, antaranya :

Para ulama' telah mencapai *ijma'* (kata sepakat yang tidak ada percanggahan) dalam menetapkan bahawa hadis (Sunnah) adalah dasar bagi hukum Islam, dan umat Islam diwajibkan mematuhi hadis (Sunnah) sebagaimana mereka diwajibkan mematuhi al-Quran, menurut Mustafa Abdul Rahman (1966) dalam Kamarulzaman Ideres (2011). Ia menjadi sumber agama Islam yang kedua selepas al-Quran.

Dalam masalah penterjemahan, menurut Saifullah Kamalie (2010), kemampuan mengenal pasti kolokasi merupakan hal yang sangat penting untuk mengelakkan penterjemah melakukan penterjemahan harfiah terhadap kolokasi yang ditemui. Secara tidak langsung terjemahan itu tidak dapat memberi kefahaman kepada pembaca bahasa sasaran.

Untuk itu, dalam kajian ini, pengkaji akan memberi makna konteks kepada kolokasi kata kerja dan partikel *jar* yang terdapat dalam Juzuk 1 kitab *Bahru Al-Mâdi* (BAMSAT1) berdasarkan elemen yang terdapat dalam teori konteks dalam memahami makna yang hendak disampaikan oleh penulis Kitab ini.

Pemahaman yang salah apabila menterjemah kolokasi kk dan pj dalam teks hadis yang terkandung di dalam kitab BAMSAT 1 akan membawa pemahaman yang salah terhadap makna yang hendak disampaikan. Ini secara tidak langsung akan menjelaskan hukum yang telah ditetapkan Allah Taala.

Dari sudut pembelajaran bahasa pula, Marjan Ahmadi (2011) menyatakan bahawa:

"The learning of collocations can provide advantages such as increasing learners' (language competence) and also enhancing learners' (communicative competence)."

Pembelajaran kolokasi dapat memberikan kelebihan seperti meningkatkan pelajar (kompetensi bahasa) dan juga memberi nilai tambah pelajar (kompetensi komunikatif)

Ini bermakna pembelajaran mengenai kolokasi akan meningkatkan tahap kompetensi pelajar dari sudut bahasa dan komunikasi.

Menurut Marjan lagi, pengetahuan mengenai kolokasi akan meningkatkan tahap kefahaman pelajar dalam memahami bahasa kedua.

"The benefits of learning word collocations are immense as it is not just about learning words but also about how certain words are placed in concordance with others. Having a good command of word collocations illustrates a speaker's high level of proficiency in that target language thus, it can be said that the successful learning of word collocations in a foreign language context can also contribute to building a learner's self esteem and confidence."

Manfaat pembelajaran perkataan berkolokasi sangat besar kerana ia bukan hanya tentang pembelajaran kata-kata, tetapi juga tentang bagaimana kata-kata tertentu diletakkan sesuai dengan perkataan yang lain. Mempunyai arahan yang baik dalam kolokasi perkataan menggambarkan kecekapan penguasaan tahap tinggi dalam bahasa

sasaran tersebut, dapat dikatakan bahwa pembelajaran bahasa kolokasi yang terhasil dalam konteks bahasa asing juga dapat menyumbang untuk membina harga diri dan keyakinan pelajar.

Dalam menterjemahkan kolokasi kk dan pj, pembelajaran tentang teori dan kaedah terjemahan Arab-Melayu dalam kalangan pelajar dapat membantu mereka memahami kolokasi kk dan pj yang dipelajari dengan tepat. Melalui kaedah terjemahan kolokasi kk dan pj, diharapkan para pelajar dapat melihat dengan jelas fungsi sesuatu perkataan dalam ayat, serta mengetahui asal usul sesuatu perkataan yang sukar bagi mendapatkan padanan makna yang tepat melalui penggunaan kamus yang pelbagai.

Terjemahan yang betul terhadap kolokasi kk dan pj diharapkan dapat menarik minat pelajar ketika mempelajari bahasa Arab di dalam bilik darjah kerana pelajar dapat memahami maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis. Ini adalah kerana pelajar bahasa asing seringkali mengalami kesulitan dalam mendengar dan membaca sesuatu perkataan itu berpunca daripada tidak dapat mengenal pasti kolokasi Arab dan bukannya disebabkan oleh suatu perkataan baru (Saifullah Kamalie, 2010: 160).

Seterusnya adalah diharapkan kajian ini akan menjadi rujukan dan panduan kepada para pendidik yang mengajar bahasa Arab dan kepada pelajar yang ingin menguasai kemahiran berbahasa Arab yang baik. Selain itu diharapkan kajian ini akan memberikan kepuasan yang maksimum kepada individu yang mengetahui selok-belok terjemahan Arab-Melayu.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Secara keseluruhannya, Kitab BAMSAT ini mempunyai 22 juzuk yang membincarkan isu-isu fikah yang disandarkan kepada hadis. Juzuk 1 dipilih kerana secara umumnya dapat memberikan gambaran gaya terjemahan keseluruhan 22 juzuk kitab ini yang ditulis menggunakan kaedah penulisan Jawi lama. Ini kerana, menurut Syed Nurulakla Syed Abdullah (2001), dalam penterjemahan sesuatu karya, seseorang penterjemah itu perlu konsisten dari segi teknikal, dengan kaedah dan strategi yang digunakan apabila melakukan penterjemahan. Oleh itu data-data yang dianalisis dalam juzuk 1 kitab BAMSAT ini dapat memberikan persampelan yang baik tentang gaya penterjemahan kitab ini secara keseluruhannya.

Justeru ruang lingkup kajian ini hanya membataskan perkara-perkara seperti berikut :

1. Kajian ini hanyalah berfokuskan teks hadis dalam Juzuk 1 Kitab *Bahru al-Mādhi* yang telah diterjemahkan oleh Muhammad Idris al Marbawi yang membahaskan tentang *tahārat*. Secara umumnya, Juzuk 1 yang membahaskan mengenai *tahārat* ini terbahagi kepada 112 bab. Dalam 112 bab ini terdapat 126 teks hadis yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, tidak termasuk teks hadis dalam bahagian mukadimah.
2. Kajian ini hanyalah dilaksanakan terhadap kolokasi kk yang berpadanan dengan pj sahaja.
3. Jumlah kata partikel *jar* yang berpadanan dengan kk melibatkan tujuh pj sahaja, iaitu [عَنْ , إِلَى , مِنْ , فِي , بِ , لِ , عَلَى].
4. Kajian ini juga akan memberi makna kepada data kolokasi kk dan pj yang berkualiti sahaja secara *lafzi* berdasarkan kamus muktabar Arab dan data tersebut akan diberi makna secara *siyāqi* dengan menerapkan teori konteks dengan diberikan penguraian dan penghujahan. Selain itu, pengesahan pakar bahasa Arab dan Melayu serta pakar hadis akan digunakan untuk menilai dapatan kajian bagi menghasilkan impak positif kepada hasil dapatan kajian.

1.9 Definisi Operasional

Bagi membincangkan dengan lebih lanjut tajuk kajian ini, pengkaji mengemukakan definisi istilah utama secara ringkas skop kajian ini:

1. Kolokasi
Definisi kolokasi dijelaskan oleh Baker (1992) sebagai kecenderungan sejumlah kata untuk bergabung secara teratur dalam suatu bahasa. Istilah kolokasi ditakrifkan sebagai hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dengan yang lain dalam satu susunan (contohnya dalam ayat) (Kamus Linguistik Melayu, t.t :199). Kolokasi sangat sesuai untuk pengajaran subjek seperti penterjemahan, penulisan, dan pemahaman teks (bacaan).
2. Kata Kerja
Kamus Linguistik (1997: 112) mentakrifkan kata kerja sebagai golongan kata yang boleh berfungsi sebagai predikat dalam ayat, dan menunjukkan perbuatan atau keadaan subjek, serta menjadi unsur dalam binaan frasa kerja. Antaranya termasuk kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, dan kata kerja kendiri.

Dalam bahasa Arab, kk disebut sebagai *الْفُعْلُ* (*al-fi'iil*). Bahagian ayat itu terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu اسم (nama), فعل (perbuatan), dan حرف (huruf). Menurut takrifan Mughālasah (2002):

"الْفَعْلُ كَلِمَةٌ تَدْلُّ عَلَى حَدَثٍ مُقْتَرِنٍ بِزَمَانٍ مِنَ الْأَزْمَنَةِ"

Yang bermakna, *perbuatan* ialah *kalimah* (perkataan) yang menunjukkan peristiwa yang berlaku yang tertakluk pada masa yang tertentu.

Dalam kitab *Mulakhas Qawā'id al-Lughah al-'Arabiyyah* karangan Fuad Ni'mah menyatakan:

"الْفَعْلُ هُوَ كُلُّ كَلِمَةٍ تَدْلُّ عَلَى حُدُوثٍ شَيْءٍ فِي زَمْنٍ خَاصٍ"

Yang bermakna, *perbuatan* ialah semua *kalimah* yang menunjukkan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada masa yang tertentu.

Kk dalam bahasa Arab terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ماضٍ (perbuatan yang telah lepas), مضارعٌ (perbuatan sedang berlaku atau akan berlaku), dan أمرٌ (perbuatan yang berkehendakkan kepada tindakan). Ciri-ciri *fi'il* boleh dikesan dengan beberapa tanda iaitu:

وَالْفَعْلُ يُعْرَفُ بِقَدْ وَالسَّيْنِ وَسُوفَ وَتَاءِ التَّائِبِثِ السَّاَكِنَةِ

Dapat difahami bahawa untuk mengenal *fi'il* sebelumnya wujudnya kalimah *Qad*, *Sin* dan *Saufa* dan tanda *ta Ta'nis*.

Menurut Ibn Jinniy (1954) dalam Muhammad Bin Idris (2012), melihat fungsi nahuan pula, kata kerja ini boleh dibahagikan kepada kk lazim, *muta'addi*, aktif dan pasif.

3. Partikel *Jar*

Partikel ialah perkataan linguistik. Ia adalah kata tugas dan kata penyerta (Kamus Dewan, 2015: 1142). Manakala pj dalam bahasa Arab dikenali sebagai *harf al-jarr*. *Harf al-jarr* termasuk dalam kategori kata tugas. *Harf al-jarr* biasanya diterjemahkan sebagai kata sendi nama dalam bahasa Melayu. Namun terjemahan tersebut hanyalah dalam bentuk persamaan terdekat sahaja kerana *harf al-jarr* kadang-kadang tidak membawa maksud kata sendi nama (Mohd Hilmi, 2015).

Antara *harf al-jarr* dalam bahasa Arab ialah partikel 'alā, min, ba', ilā, fi, 'an, kaf, hatta, dan lam. Setiap perkataan tersebut mempunyai berbagai-bagai makna dalam bahasa Melayu bergantung pada konteks ayat dan fungsi perkataan tersebut dalam ayat.

1.10 Kesimpulan

Sebagai rumusan, kajian yang dilaksanakan menjurus kepada mengenal pasti bentuk kk yang berkolokasi dengan pj dalam teks hadis, mengklasifikasikan kolokasi kk yang berpadanan dengan pj yang telah dikenal pasti dan menilai makna *lafzī* berdasarkan kamus muktabar serta memberi makna *siyāqi* berdasarkan teori konteks terhadap data yang telah dianalisis. Tuntasnya, tugas penterjemahan bukanlah suatu proses yang mudah bahkan ia akan menjadi lebih berat apabila terjemahan itu melibatkan kolokasi. Dengan kajian ini, diharapkan umat Islam dapat memahami hadis-hadis Nabi S.A.W. yang diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan bahasa yang lebih mudah supaya lebih ramai dapat menghayati sumber kedua agama Islam yang suci ini.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim Mashaf ‘Uthmani (1992). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ab. Halim Muhammad dan Che Radiah Mezah (2007). *Analisis Kesilapan Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajat IPTA*. Kertas Kerja. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abbas Mohd Shariff. (1988). *Pengaruh Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu*. The Malay Language Council. Sekata, 5(1), 20-33.
- Abdulgabbar Mohammad Saif dan Mohd Juzaiddin Ab Aziz. (2011). *An Automatic Collocation Extraction from Arabic Corpus*. Faculty of Information Science and Technology, National University of Malaysia, Malaysia Journal of Computer Science 7 (1): 6-11, 2011 ISSN 1549-3636 © 2011 Science Publications.
- Ahmad Arifin Safar. (2003). *Analisis Kesilapan Penterjemahan Teks Bahasa Arab ke Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes*. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- ahmadfadhlis.wordpress.com/2007/11/12/bahrul-mazi-sususnan-al-marbawi.
Diekses pada 16.12.2018
- Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub, Dr Ghani Ismail, Azman Che Mat. (2009). *Memaknakan Semula Terjemahan Kitab-Kitab Jawi Lama*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12. Kuala Lumpur. Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Ainon Muhammad dan Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan* (Cetakan ke-5). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia & PTS Profesional Publishing.
- Ainon Muhammad. (1987). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Jauhari Moain Al-Haj. (1991). *Beberapa Masalah Sosiolinguistik dalam Penterjemahan*. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-3.
- Anas Maulana Nuryadi. (2005). *Kata Nama Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu Satu Analisis Kontrasif*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Lingusitik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Anggun Kartikasari. (2015). *Analisis Kontrastif Ungkapan Sumimasen Bahasa Jepang Dengan Nuwun Sewu Bahasa Jawa Dari Segi Makna Dan Penggunaan*. Tesis Ijazah Sarjana. Fakultas Bahasa Dan Seni. Universitas Negeri Semarang.

- Anzaruddin Ahmad. (2008). *Terjemahan Simpulan Bahasa yang Terdapat dalam Hadis-Hadis Nabawi ke Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azhar Muhammad. (2005). *Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Qurān*. Jurnal Teknologi, 42(E) Jun. 61-76. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azman Che Mat. (2005). *Satu Analisis Terjemahan Kata Sendi Nama Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-10 pada 2-4 Ogos 2005 di Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu Sabah. Anjuran Bersama Universiti Malaysia Sabah dan Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- El-Batal Mohammad. 2000. *A Dictionary of Idiom*. Beirut Lubnan: Egyptian International Publishing Company-Longman.
- Baker Mona. (1992). *In Other Words A coursebook on translation*. London and New York Routledge: Taylor & Francis Group.
- Balsam A Mustafa. (2010). *Collocation in English and Arabic : A linguistic and Cultural Analysis*. Dalam *Majallah Kulliyah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Bil 65. 29-43.
- Bena Yusuf Pelawi. (2009) *Aspek Semantik Dan Pragmatik Dalam Penerjemahan* dalam Jurnal Lingua Cultura Vol.3 No.2 November 2009: 146-151
- Brashi A S. (2005). *Arabic Collocations: Implications For Translation*. Tesis Disertasi Doktor Falsafah. Sydney: University of Western Sydney.
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Che Radiah Mezah. (2010). *Kolokasi Aspek Penting dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Makalah dalam Pengajaran Bahasa Arab: Himpunan Pedoman Buat Guru dan Bakal Guru Siri 1. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Classical Arabic Linguistic References. lisaan.net/al-sahib-bin-abbad-al-muhit-fi-l-lugha/ diekses pada 8/2/19
- Classical Arabic Linguistic References. lisaan.net/zayn-al-din-al-razi-mukhtar-al-sihah/ diekses pada 8/2/19
- Classical Arabic Linguistic References. [lisaan.net/ ibn-manzur-lisan-al-arab](http://lisaan.net/ibn-manzur-lisan-al-arab) diekses pada 8/2/19

Classical Arabic Linguistic References. lisaan.net/ ahmad-mukhtar-umar-mujam-al-lugha-al-arabiya-al-muasira diekses pada 8/2/19

Fadilah Jasmani. (2005). *Padanan dalam Kamus Inggeris-Melayu Dewan*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-10 pada 2-4 Ogos 2005 di Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu Sabah. Anjuran Bersama Universiti Malaysia Sabah dan Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Fairuz Mohamad, Mohamad Nor Amin Samsun Baharun, Ahmad Salleh.(t.t). *Kesilapan Terjemahan Bahasa Melayu-Bahasa Arab Dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik*, Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (Shah Alam). Malaysia. Retrieved from [http://www.academia.edu/3393288/Kesilapan_Terjemahan_Bahasa_Mel ayu_Bahasa_Arab_Dalam_Ejen_Carian_Google_Satu_Kajian_ Semantik](http://www.academia.edu/3393288/Kesilapan_Terjemahan_Bahasa_Melayu_Bahasa_Arab_Dalam_Ejen_Carian_Google_Satu_Kajian_Semantik). Diekses pada Jun 2016

Faizah Salleh al-Hammadi. (2014). *Machine Translation into Arabic Language: Difficulties and Challenges: “Google Translation” as a Case Study*. *Majallah al-Dirasat al-Lughawiyyah wa al-Adabiyyat*. Bil 1.

Farah Hanan Aminallah.(2013). *Penterjemahan Kolokasi Kata Kerja Berpreposisi Arab-Melayu melalui Google Translate*. Tesis Ijazah Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Fatimah Haji Awang Chuchu. (2005). *Terjemahan dan Orientasi Budaya*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-10 pada 2-4 Ogos 2005 di Hotel Sutera Magellan, Kota Kinabalu Sabah. Anjuran Bersama Universiti Malaysia Sabah dan Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Faudzinaim Hj. Badaruddin. (2012). *Kitab Jawi Tasawuf dan Transmisi Ilmu Islam*. International Journal of Islamic Thought Vol. 1: (June) 2012.19-26.

Ghazala, Hassan Said. (2004). *Essay in Translation and Stylistics*. Dar El-Ilm li al-Malayin. Lubnan.

Ghazala, Hassan Said. (2007). *Dictionary of Collocations. A Comprehensive English-Arabic Dictionary of Accuracy of Word Combination and Usage*. Dar El-Ilm li al-Malayin. Lubnan.

Ghazala, Hassan Said. (2008). *Translations as Problems and Solutions. A Text Book for University Student and Trainee Translators Special Edition*. Dar El-Ilm li al-Malayin. Lubnan.

Goh Sang Seong. (2007). *Kebolehterjemahan Aspek-Aspek Budaya Dalam Terjemahan “Shui Hu Zhuan”*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.

- Goh Ying Soon dan Azman Che Mat. (2009). *Penterjemahan dan Budaya*. Kertas kerja Dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-12. Persatuan Penterjemah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Goh Ying Soon dan Azman Che Mat (2009). *Teori dan Prinsip Penterjemahan Secara Praktis* (dalam Penterjemahan Bahasa Cina-Bahasa Melayu, halaman 1-12). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- al-Hafiz Imaduddin. (1993). *Tafsir al-Qurān al-Azīm*. Jilid 2, Cetakan kedua. Beirut. Lubnan. Dar al-Khair.
- Hashim Abdullah, Mohd Ariff Ismail, Mohd Nazri Ibrahim, Mohd Zulkifli Husain, Kamariah Kamaruddin, Norainan Noraini, Rohana Omar. (1998). *Perspektif Islam di Malaysia*. Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- Hashim Musa. (2006). *Epigrafi Melayu Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatim, Basil & Ian Mason. (1997). *The Translator As Communicator*. London and New York: Routledge.
- Humairoh. (2015). *Ketepatan Tejemahan Kitab al-Hikam*. (Analisis Makna Kontekstual). Tesis Sarjana Sastra. Jakarta Fakultas Adab dan Humaniora. Universitas Islam Negeri.
- 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismail ibn Kathīr (1993). *Tafsir al-Qurān al-'Azīm*. Jilid 2. Dar al-Khair. Beirut.
- Jalīl, Abd al-Manqūr (2001). *Ilm al-Dilalāh Uṣūluh wa Mabāhīṣūh fi al-Turāts al-'Arabi*. Damsyiq. Ittihād al-Kuttāb al-'Arab.
- Kamarulzaman bin Ideres. (2011). *Ketepatan Padanan Terjemahan Hadis Dalam Kitab Hadis 40 Karangan Imam Nawawi: Satu Analisis Bandingan*. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD)*. (2006). Cetakan 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik Melayu. (t.t). Sukses Media Akademia. Kuala Lumpur.
- Kasim Ahmad. (1991). *Beberapa Masalah Terjemahan di Malaysia*. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khadijah Sjahrony dan Maheram Ahmad.(2013). *Penterjemahan Frasa Al-Idāfah Arab-Melayu Menggunakan Google Translate*. Islamiyyat 35(2): 101-108.
- Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail dan Mastura Mohamed Berawi. (2015). *Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu, Perkamusan & Terjemahan*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Léon J. (2007). *Meaning by collocation. The Firthian filiation of Corpus Linguistics*. Proceedings of ICHoLS X, 10th International Conference on the History of Language Sciences, (D. Kibbee ed.), John Benjamins Publishing Company : 404-415.
- Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar dan Wan Azura Wan Ahmad. (2008). *Mengenali Bahasa Arab Melalui Al-Qurān*. Universiti Sains Islam Malaysia: Negeri Sembilan.
- Marjan Ahmadi. (2011). *Collocational Error Types In The Writing Of Iranian Efl Students*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik.Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Masduki. (2011). *Jenis Dan Makna Terjemahan (Ditinjau Dari Kelebihan Dan Kekurangannya)*. Dalam Prosiding Volume V, Nombor 2, July 2011.
- Midiyana Mohamad dan Mohammad Fadzeli Jaafar. (2015) *Anafora dalam Teks Ilmiah: Pendekatan Analisis Kontrastif*. GEMA Online® Journal of Language Studies, 15(2), 135-150.
- Mildred .Larson. (1989). *Penerjemahan Berdasarkan Makna : Pedoman untuk Pemadanan Antarbahasa*. Alihbahasa: Kencanawati Taniran. Jakarta: Penerbit ARCAN.
- Moh. Pribadi (2014). *Analisis Kontrastif Indonesia-Arab Dalam Padanan Terjemahan Tek Sastra: Analisis Hermeneutika Budaya*. Widyaloka, Volume 42, Nombor 2, Disember 2014.
- Mohd Hilmi B. Abdullah. (2015). *Konsep. Kaedah & Teknik Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Kubu Baru: Pustaka Hilmi
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Mujam al-‘Arabī al-Asāsī li al-Nāṭiqīn bi al-‘Arabiyyah wa Mutā'allimīhā. (2003).
- Mughalasah, Mahmud Khusni. (2002). *Al-Nahu al-Syafi*. Beirut Lubnan: Muassasah al-Risalah al-Nasyirun.
- Muhammad Bin Idris (2012). *Analisis al-Mizan al-Sarfi Dalam Pembentukan Kata Kerja Dan Kata Nama Mushtaq Bahasa Arab*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Muhammad Bukhari Lubis. (1993). *Menterjemahkan Idiom Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu: Beberapa Pengamatan*. Kertas Kerja Seminar Terjemahan Arab-Melayu. Anjuran UKM dan DBP. Kuala Lumpur (27 hingga 29 Ogos 1993).
- Muhammad Fauzi bin Jumingan. (2009). *Penggunaan Konsep Kolokasi dalam Penterjemahan Arab-Melayu*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12. Kuala Lumpur. Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Muhammad Fauzi bin Jumingan. (2006). *Penterjemahan atau Penerjemahan. Satu Analisis Korpus Data Berkomputer*. Pertanika J.Soc.Sci & Hum 14 (1): 43-49.
- Muhammad Firdaus Bin Hj Abdul Manaf dan Mohd Hazwan Bin Hamri. (2016). *Perbandingan Teori Penterjemahan Arab-Melayu Dalam Al-Qurān*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (Irsyad 2016).
- Muhammad Hafiz bin Bakar. (2012). *Terjemahan Kata Kerja Berpreposisi Arab-Melayu Dalam Kitab Mustika Hadis Rasulullah S.A.W*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Idris Al-Marbawi. (2008). *Bahru Al-Madzi Syarah Mukhtashar Shahih At-Tirmidzi (Juzu' 1)*. Pengalihan Tulisan Jawi ke Roman oleh Noraine Abu. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications..
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, Pabiyah Hajimaming dan Zaitul Azma Zainon Hamzah.(2014). *Kepelbagaiannya Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu*. Jurnal Linguistik Vol. 18(2) Disember.2014 (067-078).
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan 'Ali al-Syarbaji. (2017). *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*. Jilid 1. Cetakan Kedua. Terjemahan Zulkifli b. Mohamad al-Bakri & Rakan-rakan. Putrajaya. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sa'adah. (2011). *Analisis Semantik Kontekstual Aras Penerjemahan Kata Arab Serapan (studi Kasus Kata Fitnah, Hikam dan Amanah) Dalam Al-Qur'an dan Maknanya Karya M. Quraish Shihab*. Jakarta Fakultas Adab dan Humaniora. University Islam Negeri.
- Shamsul Bahri. (2016). *Peran al-Siyāq (Konteks) dalam Menentukan Makna*. Ittihad Kurnal Kopertais Wilayah XI Kalimantan Volume 14 No.26 Oktober 2016.
- Syarah Ibn 'Aqil*. (2002). Jilid 1. Cetakan Pertama. Percetakan Watan Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.
- Muhammad Marwan Ismail dan Wan Moharani Mohammad. (2008). *Kajian Bandingan Ayat Namaan (Bahasa Arab-Bahasa Melayu)*. Putra Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Muhammad Zaky Fakhruddin. (2017). *Kolokasi Kata ضرب Dalam Alquran (Studi Terjemahan M. Quraish Shihab)*. Tesis Ijazah Sarjana. Jakarta: Universitas Syarif Hidayatullah.

Muhd. Mansur Abdullah. (1991). *Keperluan Melatih Penterjemah dan Tenaga Pengajar Penterjemahan*. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-3.

Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman, Norfazila Ab. Hamid dan Murni Syakirah Musa. (2017). *Terjemahan Al-Qurān Ke Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Kata Panggilan Kekeluargaan*. e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi. Vol. 4 No. .1 (April 2017): Pp 160-172. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa.

Nayyan Usman Shariff. (2013). *الالتزامات اللفظية في المثل القرآني*. Modern Books' World. Irbid, Jordan.

Newmark. (1988). *A Textbook of Translation*. New York, London, Toronto, Sydney, Tokyo: Prentice Hall.

Nīmah Fuad. *Mulakhas Qawāid al-Lughah al-Arabiyyah*. Dar al-Hikmah Damsyiq.

Online Collocations Dictionary.
<http://googledictionary.freecollocation.com/meaning?=Heavy/> diakses pada 5 Januari 2017

Pabiyah Haji Maming dan Che Radiah Mezah. (2010). *Penekanan Aspek Semantik Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu Semasa Pengajaran Bahasa Arab. Makalah dalam Pengajaran Bahasa Arab: Himpunan Pedoman Buat Guru dan Bakal Guru Siri 1*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Radiah Yusoff dan Wan Rose Eliza Abdul Rahman.(2008). *Analisis Padanan Makna dalam Terjemahan Berbantuan Komputer*. Persidangan Penerjemahan Antarabangsa ke-11. Kuala Lumpur.

Rasid Mail dan Raman Noordin. (2014). *Penyelidikan Peringkat Saujana: Pendekatan Kualitatif sebagai Alternatif*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Ratna Roshida Ab Razak dan Aiza Maslan. (2009). *Ketinggian Bidang Terjemahan Satu Manifestasi Bangsa Berilmu: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam*. Kertas kerja Dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-12. Persatuan Penterjemah Malaysia. Kuala Lumpur.

Rosni bin Samah. (2009). *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia..

- Saifullah Kamalie. (2010). *Masalah Penterjemahan Kolokasi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu: Satu Kajian Teks Tafsir*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Saifullah Kamalie. (2007). *Kolokasi Dalam Bahasa Arab: Apa, Mengapa, dan Bagaimana?*. Retrieved from <http://saifullahkamalie.blogspot.com/2007/06/kolokasi-dalam-bahasa-Arab-apa-mengapa.html> diekses pada 18 Mac 2015.
- Showqi Bahumaid. (2006). *Collocation in English-Arabic Translation*. *Babel*. doi:10.1075/babel.52.2.03bah.
- Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2001). *Faktor Leksis Dan Budaya Dalam Terjemahan Arab-Melayu Satu Analisis Karya Rihlah Ibn Battutah*. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2015). *Analisis Makna Implisit dan Eksplisit Penterjemahan Buku Rihlah Ibn Battutah ke Bahasa Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syihabuddin. (2016). *Penerjemahan Teks Suci: Analisis Ketepatan Terjemahan Istilah Kecendekiaan Dalam Alquran Dan Terjemahnya*. *Jurnal Adabiyyāt*, Vol. XV, No. 1, Jun 2016.
- al-Tahir A Hafiz. 2003. *Al-Hafiz Dictionary of Arabic Collocations*. Beirut: Librairie du Liban.
- Tajuddin Saman dan Abd Manaf Hj. Ahmad. (2005). *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia..
- Umar, Ahmad Mukhtar. (1988). *Ilm al-Dilalat*. (cet.ke-2). Kaherah: Maktabat Anjilo al-Masriyyat.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (2008). Retrieved from [ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0908&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0908&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm) diekses pada 28 Nov 2016.
- Wati Susiawati. (2017). *Implikasi Perbedaan Google Translate dan Makus al-'Ashiry dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. *Jurnal Pendidikan Islam* Volume 8, Nomor 1. Mei 2017. Jakarta.

BIODATA PELAJAR



Norhafizah Zakaria dilahirkan di Kuantan Pahang pada tanggal 11 Oktober 1977. Merupakan anak ke-6 dari 7 orang adik-beradik. Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Rendah Ahmad, Pekan Pahang, manakala pendidikan menengah di Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah, Pekan atau ringkasnya SMATAF sehingga tamat tingkatan 5 pada tahun 1994. Setelah tamat tingkatan 5, pengkaji mengikuti kursus Intensif Bahasa Arab selama 6 bulan di Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang (IKIP) sebagai persediaan untuk melanjutkan pengajian ke Jordan di Yayasan Pahang dalam bidang Bahasa Arab.

Pada tahun 1995, pengkaji memulakan pegajian di Universiti of Jordan dalam bidang Bahasa Arab dan Kesusasteraan. Dalam tempoh pengajian tersebut, pengkaji telah mendirikan rumah tangga dengan pasangannya Hj. Muhamad Hafez Osman dan sepanjang tempoh pengajiannya itu, pengkaji dikurniakan 4 orang cahaya mata 2 lelaki dan 2 perempuan. Walaupun terpaksa mengurus rumah tangga dan anak-anak ketika tempoh pengajian tersebut penulis akhirnya berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 2001.

Pada tahun 2002, pengkaji memulakan kerjaya sebagai guru di Sekolah Agama Rakyat Bukit Antarabangsa, Ampang Selangor. Pada tahun 2004 pengkaji telah menjadi guru ganti selama 3 bulan disebuah sekolah orang asli di Pekan iaitu Sekolah Kebangsaan Permatang Keledang. Seterusnya pada tahun 2004-2005 pengkaji ditawarkan untuk menjawat jawatan sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di SK Batu Tiga Kuantan. Dalam tempoh menjawat GSTT tersebut, pengkaji telah mendapat tawaran untuk mengikuti Kursus Perguruan Lepasan Ijazah mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (KPLI LPBS) dimana pengkaji perlu menghadiri kuliah ketika cuti sekolah di Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan Kuala Lipis selama setahun 6 bulan untuk membolehkan beliau menerima Diploma Perguruan Pendidikan Islam. Akhirnya pengkaji berjaya memperolehi Diploma Perguruan Pendidikan Islam pada 2005 dengan keputusan cemerlang. Alhamdulillah.

Pada tahun 2006 pengkaji telah menjawat jawatan tetap bergelar Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG41 di SK Batu Tiga sehingga tahun 2009. Pada tahun 2010 pengkaji telah ditawarkan jawatan Pegawai Pengurusan Unit Peperiksaan di Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang sehingga tahun 2012. Walaupun bidang tugas pegawai pengurusan ini amat bertentangan dengan latar belakang pengajian dan pengalamannya sebagai seorang guru, pengkaji menyahut cabaran ini dengan berpegang pada prinsip “kita akan berjaya selagi kita mahu belajar dan mencuba”. Kata-kata ini menjadi azimatnya dan pada tahun 2012 pengkaji dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) buat pertama kalinya.

Seterusnya pada penghujung 2012, pengkaji ditawar oleh pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) untuk menjawat jawatan sebagai seorang pensyarah Bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran Sabah (IPGK Kent). Sesungguhnya aturan Allah itu sangat indah baginya, biarpun sentiasa bertukar tempat kerja dan berbeza bidang tugasnya, pengkaji sangat yakin bahawa Allah telah mengatur yang terbaik buatnya. Walaupun berjauhan dengan keluarga dan sibuk menguruskan 7 orang anaknya, pengkaji bertekad untuk menyambung pengajiannya diperingkat Sarjana. Akhirnya pengkaji ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kesibukannya dalam menjalankan amanah sebagai seorang ibu, isteri, pekerja dan pelajar tidak menghalangnya untuk melakukan yang terbaik sebagai seorang pekerja dan akhirnya pada tahun 2014 pengkaji sekali lagi dianugerahkan APC oleh pihak IPGK Kent. Pengkaji sangat yakin, jika sesuatu itu dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas kerana Allah, sudah pasti ia akan terlihat dimata manusia. Baginya apa yang paling penting ialah jangan sekali mengharapkan pujian dari manusia. Namun sekiranya diberikan sesuatu anugerah itu adalah dari Allah yang disalurkan kepada manusia untuk menghargainya.

Sepanjang 6 tahun berada di IPGK Kent ini, pengkaji telah diamanahkan untuk memegang beberapa jawatan. Antaranya, Penyelaras Akreditasi Kampus JK Akreditasi Program QA, Ketua Penyelaras Program PPISMP JK Akreditasi Program QA, Sekretariat Jawatankuasa Surau, Jawatan Kuasa Akademik, Penyelaras Aset Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Penyelaras Jabatan Jawatankuasa Penggubalan Soalan, Setiausaha Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Penolong Ketua Warden, Pegawai Dokumen Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Jawatankuasa Penasihat Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Ahli Jawatankuasa Kafeteria, Ahli Jawatankuasa Kediaman Staf, Ahli jawatankuasa Penarafan dan Penolong Ketua Unit Kolej Kediaman.

Walaupun sibuk dengan tugas yang diamanahkan, pengkaji sesekali tidak melupakan tanggungjawabnya sebagai seorang khalifah memenuhi tuntutan junjungan mulia Nabi Muhammad SAW dalam menyampaikan ilmu agama. Pengkaji sentiasa memenuhi undangan dan jemputan untuk menyampaikan

tazkirah dan kuliah maghrib bersama guru pelatih di IPGK Kent ini. Pengkaji juga akan memenuhi undangan ceramah di sekolah sekitar daerah Tuaran ini. Selain itu pengkaji akan cuba sedaya upaya untuk membantu menguruskan jenazah wanita di daerah Tuaran sebagai memenuhi tuntutan fardhu kifayah sesama muslimah. Pengkaji juga telah dilantik sebagai Ketua Hal Ehwal Wanita Persatuan Kebajikan Anak Rantau Sabah (PKAR).

Semoga dengan usaha kecil sepanjang hayatku ini dikira sebagai jariah disisimu Ya Allah. Sesungguhnya tiada upaya bagiku untuk meneruskan kelangsungan hidupku ini tanpa kasih sayang dan rahmat Mu.. Subhanallah..Wallahu 'alam.

